

Rafidah perjelas

BH 23 FEB 2000

MENTERI Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz semalam, membuat penjelasan di Dewan Rakyat mengenai isu pengagihan saham kepada menantunya Fazrin Azwar Mohamed Noor.

Beliau berharap penjelasan isu yang ditimbulkan oleh Husam Musa (Pas-Kubang Kerian) adalah yang terakhir dan meminta semua pihak menyerahkannya kepada pihak berkuasa untuk membuat keputusan muktamad mengenainya.

Rafidah juga menegaskan tidak timbul soal untuk memulangkan balik saham yang sudah diberikan kepada menantunya itu kerana MITI mengamalkan prosedur tegas dalam proses pengagihan saham dan setiap pemohon perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan.

“Kita (MITI) apabila menerima mana-mana kes pengagihan saham, kita tidak menyiasat asal usul seseorang itu bahkan untuk keadilan kita tidak tanya sama ada dia orang parti atau orang pembangkang.

“Yang kita siasat ialah sama dia layak atau sama ada berkemampuan untuk ambil alih. Oleh kerana itu, demi keadilan sekiranya ada seseorang yang

disyorkan oleh syarikat dan memenuhi semua kriteria yang ada, maka orang itu berhak layak dapat... sama ada dia anak orang tertentu, bapa orang tertentu, ibu, kakak, adik, kita tidak tanya,” katanya ketika menggulung perbincangan usul terima kasih atas titah ucapan Yang di-Pertuan Agong.

Rafidah menjelaskan, dalam kes menantunya, Fazrin Azwa Mohamed Noor, beliau tidak terbabit langsung dalam pengagihan saham itu kerana tidak berada dalam jawatankuasa berkenaan, serta Fazrin memenuhi semua kriteria diperlukan.

“Apa yang menjadi masalah, seorang lagi Bumiputera yang menjadi rakan kongsi kepada syarikat guaman itu (yang turut menerima saham yang sama) tidak pernah dibangkitkan sedangkan kelayakannya adalah sama.

“Saya yakin kalau orang yang disebut menantu saya itu, bukan menantu saya dan dia pada hakikatnya layak dapat (sudah tentu tidak menjadi isu). Tetapi kerana ada kaitannya dengan Rafidah, agaknya orang yang bermotifkan politik mungkin boleh mencari modal daripada ini.

“Ini bukan saham yang saya agihkan

isu saham kepada menantu

seperti harta warisan, bukan saham keluarga saya. Kami di MITI sangat mementingkan kriteria dan segala kelayakan. Kalau tidak layak, maka tidak layaklah. Tetapi kalau layak, tidak kiralah sama ada ahli DAP, Pas, kita tidak soal dia akan dapat... tapi kalau tidak layak biarpun orang kuat Umno tidak akan kita bagi,” tegasnya.

Menjawab desakan Husam dan Mahfuz Omar (Pas-Pokok Sena) mengenai Jabatan Peguam Negara mempunyai kertas pertuduhan membabitkan pembahagian saham itu serta laporan polis mengenainya dibuat oleh bekas timbalan perdana menteri, Rafidah meminta penyiasatan itu diserahkan kepada pihak berkuasa.

Beliau juga menegaskan tidak mengetahui dokumen yang dimiliki Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional, Ezam Mohd Noor, yang didakwa diklasifikasikan di bawah Akta Rasia Rasmi.

Rafidah juga menolak cadangan Husam supaya semua dokumen membabitkan isu berkenaan dikemukakan kepada Parlimen dalam usaha untuk membersihkan imejnya yang tercemar.

“Saya harap YB tidak buat sang-

kaan buruk. Apa juga kertas yang ada (dokumen rasmi yang berada di Jabatan Peguam Negara), saya tidak tahu isi kandungan.

“Sekiranya ada laporan, biarlah ia dibuat secara rasmi oleh pihak berwajib, bukan untuk kita mendebatkannya dalam Parlimen.

“Kalau ada kes tunjukkan, biarlah pihak berwajib tunjukkan bukan parti pembangkang, bukan sesiapa. Dan bagi

saya (ialah untuk) menjelaskan apa yang berlaku, selagi pihak tertentu ingin mempolitikkan isu ini tidak akan habis cerita.

“Hari ini, di dewan yang mulia ini saya jelaskan habis-habisan. Saya tidak kira kalau muka saya tidak dipandang tinggi, tidak jadi kudis kepada saya. Tetapi saya tidak sanggup orang menuduh seolah-olah kerajaan kita ini buat sewenang-wenangnya,” katanya.